

# KPDNHEP Labuan adakan bank makanan di UMS Labuan

UB 24.4.2019 A10

LABUAN: Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) Prof Dr Murnizam Haji Halik telah menerima kunjungan hormat Pengarah Gerakan Pengguna Siswa (GPS) di UMS Labuan.

KPDNHEP Labuan juga akan mengadakan pelbagai program kepenggunaan yang membabitkan mahasiswa di UMS Labuan.

Dalam pertemuan kira-kira satu jam itu, kedua-dua pihak membincangkan program Food Bank yang akan dilaksanakan

di universiti berkenaan tidak lama lagi.

Turut dibincangkan, pelbagai isu berkaitan kepenggunaan termasuk yang membabitkan Gerakan Pengguna Siswa (GPS) di UMS Labuan.

KPDNHEP Labuan juga akan mengadakan pelbagai program kepenggunaan yang membabitkan mahasiswa di UMS Labuan.

“KPDNHEP Labuan akan membantu mahasiswa UMSKL menerusi program Food Bank yang akan

dilaksanakan tidak lama lagi,” kata Amirul.

Turut hadir ialah Timbalan Pengarah UMSKL Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal, Ketua Sektor Hal Ehwal Pelajar Nur Iman Reedzal selaku urusetia, Penolong Bendahari Kanan Mohd Nazir Ab Manan dan Ketua Seksyen Kepenggunaan KPDNHEP Asmidar Haji Muhamad Nawir.

Sementara itu, Muznizam berkata pihaknya sedia bekerjasama dan membantu

KPDNHEP menjayakan program Food Bank berkenaan.

“Kami akan menyediakan lokasi dan infrastruktur yang sesuai agar program Food Bank mencapai matlamatnya,” katanya.

Pada masa sama, beliau berharap kedua-dua pihak akan menjalankan lebih banyak kerjasama termasuk mengadakan program kepenggunaan yang membabitkan mahasiswa dan kakitangan UMSKL.



**MURNIZAM** (lima kanan) menerima cenderamata disampaikan Amirul sambil diperhatikan Geoffrey (empat kanan), Nazir (tiga kanan), Nur Iman (dua kanan) dan Asmidar (kiri).